

Diterbitkan dengan Perintah



**PENYATA KEWANGAN**  
**2015**  
**NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

## **PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI NEGERI SEMBILAN 2015**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan 2015 disediakan oleh Perbendaharaan Negeri, Negeri Sembilan mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] dan diaudit oleh Ketua Audit Negara sebelum dibentang di Dewan Undangan Negeri mengikut kehendak Seksyen 16(2) Akta yang sama.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan melaporkan urusniaga kewangan berkaitan punca dan penggunaan sumber kewangan seperti yang telah diperuntukkan oleh Dewan Undangan Negeri bagi tahun kewangan 2015.

Penyata ini mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan. Nota Kepada Penyata Kewangan mengandungi penjelasan lanjut serta jadual terperinci berkaitan jumlah di Penyata Kewangan.



## PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai dalam perkhidmatan Kerajaan Negeri Sembilan yang telah memberikan sumbangan dan kerjasama kepada Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri, Negeri Sembilan dalam menyiapkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2015.

Setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada semua pegawai dan anggota Perbendaharaan Negeri, Negeri Sembilan di atas kejayaan menghasilkan Penyata Kewangan ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Ketua Audit Negara khususnya Pengarah Jabatan Audit Negara, Negeri Sembilan serta semua pegawainya atas nasihat dan kerjasama yang diberikan sepanjang tahun kewangan 2015.

Perancangan yang tersusun, komitmen, diikuti dengan pertanggungjawaban semua pihak telah membolehkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2015 disediakan dengan sempurna dan bertepatan masa untuk diaudit seterusnya dibentangkan di Dewan Undangan Negeri.

**(DATO' HAJI TAHAR BIN HAJI SUDIN)**

Pegawai Kewangan Negeri  
Negeri Sembilan Darul Khusus

**KANDUNGAN**  
**PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI**  
**NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS 2015**

---

Tajuk	Muka Surat
<b>LAPORAN BENDAHARI NEGERI</b>	1 - 8
<b>PENYATA KEWANGAN</b>	
Sijil Ketua Audit Negara	9
Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri dan Bendahari Negeri, Negeri Sembilan	10
Penyata Kedudukan Kewangan	11
Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai	12
Penyata Prestasi Kewangan	13
Penyata Akaun Memorandum	14
Nota Kepada Penyata Kewangan	15 - 30
<b>LAMPIRAN KEPADA NOTA</b>	
Lampiran 1 - Penyata Perbelanjaan Mengurus	31 - 57
Lampiran 2 - Penyata Perbelanjaan Pembangunan	58 - 65
Lampiran 3 - Penyata Akaun Memorandum Pinjaman Boleh Dituntut	66
Lampiran 3(i) - Penyata Lengkap Memorandum Pinjaman Boleh Dituntut	67 - 70
Lampiran 4 - Penyata Akaun Memorandum Pelaburan	71
Lampiran 5 - Penyata Lengkap Memorandum Hutang Kerajaan Negeri	72 - 79
Lampiran 6 - Penyata Lengkap Kumpulanwang Amanah Awam	80 - 82
Lampiran 7 - Penyata Lengkap Deposit	83 - 86



# **LAPORAN BENDAHARI NEGERI**

**KERAJAAN NEGERI SEMBILAN  
DARUL KHUSUS  
LAPORAN BENDAHARI NEGERI TAHUN 2015**

***Pendahuluan***

Penyata Kewangan Negeri, Negeri Sembilan dan laporannya disediakan mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Disemak 1972) dan Piawai Perakaunan Kerajaan Malaysia. Laporan ini bertujuan menerangkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri serta ringkasan urusniaga kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2015. Kerajaan Negeri telah dapat menyiapkan Penyata Kewangan Tahun 2015 mengikut tempoh yang telah ditetapkan dan telah diserahkan kepada Jabatan Audit Negara, Negeri Sembilan pada 29 Januari 2016.

**KEWANGAN KERAJAAN NEGERI**

***Prestasi Belanjawan***

Belanjawan tahun 2015 yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri pada tahun 2014 telah menganggarkan kutipan hasil sebanyak RM367.31 juta dan memperuntukkan RM364.93 juta bagi perbelanjaan mengurus serta RM101.41 juta bagi perbelanjaan pembangunan. Dewan Undangan Negeri kemudiannya meluluskan tambahan peruntukan sebanyak RM3.29 juta bagi perbelanjaan mengurus.

Tambahan peruntukan perbelanjaan mengurus antaranya adalah untuk pembayaran Bantuan Khas Kewangan kepada penjawat awam Negeri sebanyak RM500.00, Pemberian Khas kepada penjawat awam Negeri sebanyak RM500.00, bayaran gaji dan elaun kepada pegawai di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam dan Jabatan Perhutanan Negeri yang telah dinaikkan pangkat dan menampung bayaran bil elektrik bagi jalan-jalan kampung di bawah Program Pencahayaan Negeri serta bil elektrik di pelbagai premis Kerajaan berikutan kenaikan tarif yang telah diumumkan pada awal tahun 2015.

**Jadual 1** menunjukkan prestasi belanjawan berbanding prestasi sebenar kutipan hasil dan perbelanjaan bagi tahun 2015.

**JADUAL 1 - PRESTASI BELANJAWAN  
KERAJAAN NEGERI**

BUTIRAN	Anggaran (disemak)	Perbelanjaan Sebenar	% varian
Hasil	367.31	383.98	104.54
Perbelanjaan Mengurus	368.22	352.85	95.83
Perbelanjaan Pembangunan	101.41	96.93	95.58

***Prestasi Kewangan***

Operasi Kewangan Kerajaan Negeri untuk tahun 2015 telah menunjukkan lebih dalam akaun hasil disatukan sebanyak RM31.13 juta berbanding catatan lebih RM21.57 juta pada tahun 2014. Lebih ini berpunca daripada hasil yang dikutip berjumlah RM383.98 juta berbanding perbelanjaan mengurus (termasuk pindahan kepada Kumpulanwang Pembangunan sebanyak RM65.85 juta dan pindahan kepada Akaun Amanah Permasalahan Rakyat sebanyak RM3.00 juta) berjumlah RM352.85 juta. Kesan daripada lebih tersebut baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan meningkat 11.48% daripada RM271.17 juta pada tahun 2014 kepada RM302.30 juta pada tahun 2015.

**Kumpulanwang Pembangunan Negeri**

mencatatkan lebih dalam operasi kewangannya untuk tahun 2015 berjumlah RM5.70 juta berbanding defisit RM10.81 juta pada tahun 2014. Ini menyebabkan baki defisit terkumpul Kumpulanwang tersebut menurun dari RM315.78 juta dalam tahun 2014 kepada RM310.07 juta dalam tahun 2015.

**Kumpulanwang Bekalan Air Negeri (KWABA)**


pula mencatatkan pengurangan defisit berjumlah RM32.13 juta untuk tahun 2015 berbanding defisit RM37.13 juta pada tahun 2014. Pengurangan defisit tersebut adalah disebabkan pindahan sebanyak RM5.00 juta dari Akaun Hasil Disatukan.

Ringkasan Prestasi Kewangan Kerajaan Negeri tahun 2015 adalah seperti di **Jadual 2**.

**JADUAL 2 - PRESTASI KEWANGAN KERAJAAN NEGERI**

BUTIRAN	2015 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
<b>AKAUN HASIL</b>		
Hasil	383.98	373.09
Perbelanjaan Mengurus (sebelum caruman kepada KW pembangunan)	(284.00)	(294.34)
Caruman kepada KW Pembangunan	99.98 (65.85)	<b>78.75</b> (57.18)
Pindahan kepada Akaun Amanah Permasalahan Rakyat	(3.00)	-
<b>Lebihan/ (Defisit) Akaun Hasil</b>	<b>31.13</b>	<b>21.57</b>
<b>AKAUN PEMBANGUNAN</b>		
Terimaan Kumpulanwang Pembangunan	102.64	90.38
Perbelanjaan Pembangunan	(96.93)	(101.19)
<b>Lebihan/ (Defisit) Akaun Pembangunan</b>	<b>5.71</b>	<b>(10.81)</b>

**Carta 1** meringkaskan Prestasi Kewangan Kerajaan Negeri bagi tempoh 5 tahun.



## KUMPULANWANG DISATUKAN NEGERI

### **PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN**

Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri menunjukkan jumlah aset yang dipegang bagi ketiga-tiga **Kumpulanwang Negeri Yang Disatukan** iaitu **Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan**. Jumlah aset yang dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan seperti pada 31 Disember 2015 meningkat sebanyak RM15.65 juta kepada RM522.01 juta atau 3.09% berbanding RM506.36 juta pada tahun 2014.


Jumlah ini terdiri daripada **Wang Tunai** berjumlah RM197.29 juta dan **Pelaburan** berjumlah RM324.72 juta. Dari jumlah aset tersebut, sebanyak RM302.30 juta adalah dipegang untuk Akaun Hasil Disatukan dan RM219.71 juta untuk Akaun Amanah Disatukan.

Ringkasan Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri tahun 2015 adalah seperti di **Jadual 3**.

**JADUAL 3 - PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI**

BUTIRAN	2015 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
<b>ASET:</b>		
Wang Tunai	197.30	475.79
Pelaburan	324.71	30.57
	<u>522.01</u>	<u>506.36</u>
<b>JUMLAH ASET DIPEGANG BAGI:</b>		
Akaun Hasil Disatukan	302.30	271.17
Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00
Akaun Amanah Disatukan	219.71	235.19
	<u>522.01</u>	<u>506.36</u>


**Carta 2** menunjukkan kedudukan Kumpulanwang Disatukan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2014 – 2015.



## AKAUN HASIL DISATUKAN

**Hasil Kerajaan Negeri** untuk tahun 2015 berjumlah RM383.98 juta berbanding RM373.09 juta dalam tahun 2014, peningkatan sebanyak RM10.89 juta atau 2.92%.

**Carta 3** menunjukkan pecahan peratus kutipan hasil Kerajaan Negeri mengikut jenis pada tahun 2015.



### Hasil Cukai

**Hasil Cukai** menyumbangkan sejumlah RM130.01 juta atau 33.86% dari keseluruhan Hasil Negeri. Jumlah ini meningkat sebanyak RM2.66 juta atau 2.09% berbanding hasil cukai tahun 2014 sebanyak RM127.35 juta. Pungutan dari **Cukai Langsung** berjumlah RM124.85 juta manakala RM5.16 juta terdiri daripada **Cukai Tidak Langsung**. Sumber utama Cukai Langsung ialah Cukai Tanah berjumlah RM122.35 juta dan Cukai Keluaran Hutan RM2.41 juta. Bagi Cukai Tidak Langsung, sumber utamanya adalah dari Cukai Tiket Pawagam yang berjumlah RM5.15 juta.

### Hasil Bukan Cukai

Prestasi pungutan **Hasil Bukan Cukai** adalah sebanyak RM192.59 juta pada tahun 2015 berbanding RM173.78 juta pada tahun 2014 iaitu peningkatan sebanyak RM18.81 juta atau 10.82%.



Hasil Bukan Cukai menyumbang 50.16% dari keseluruhan Hasil Negeri, yang terdiri daripada Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit sebanyak RM31.70 juta, Perkhidmatan dan Bayaran sebanyak RM20.81 juta, Perolehan dari Jualan Barang serta Premium Tanah sebanyak RM112.64 juta serta Keuntungan Pembiayaan Dan Perolehan sebanyak RM23.69 juta. Antara penyumbang kepada peningkatan hasil bukan cukai adalah peningkatan dalam Caj Air Mentah Domestik dan Komersial sebanyak RM17.07 juta, keuntungan Perolehan Dari Pelaburan Dalam Negeri sebanyak RM3.95 juta dan Permit Tanah dan Galian sebanyak RM2.00juta.

#### **Terimaan Bukan Hasil**

**Terimaan Bukan Hasil** adalah sebanyak RM61.38 juta pada tahun 2015 berbanding RM71.96 juta pada tahun 2014. Ia merupakan pengurangan sebanyak RM10.58 juta atau 14.70%. Terimaan Bukan Hasil terdiri daripada Pulangan Balik Perbelanjaan RM2.73 juta dan Terimaan dari Agensi Kerajaan RM58.46 juta. Ia menyumbang 15.98% dari keseluruhan Hasil Negeri.

Laporan terperinci bagi hasil boleh dirujuk kepada **Nota 5: Nota Kepada Penyata Kewangan**.

**Jadual 4** menunjukkan komponen Hasil Kerajaan Negeri bagi tahun 2015 berbanding tahun 2014.

**JADUAL 4 - HASIL KERAJAAN NEGERI**

BUTIRAN	2015		2014	
	RM Juta	%	RM Juta	%
Hasil Cukai	130.01	33.86	127.35	34.13
Hasil Bukan Cukai	192.59	50.16	173.78	46.58
Terimaan Bukan Hasil	61.38	15.99	71.96	19.29
<b>JUMLAH HASIL</b>	<b>383.98</b>	<b>100</b>	<b>373.09</b>	<b>100</b>

**Jadual 5** menunjukkan butiran hasil utama Kerajaan Negeri bagi tahun 2015.

**JADUAL 5 - HASIL UTAMA KERAJAAN NEGERI**

BUTIRAN	RM Juta	% daripada Jumlah Hasil
<b>HASIL CUKAI</b>		
Cukai Tanah	122.35	31.86
<b>HASIL BUKAN CUKAI</b>		
Premium Tanah	86.63	22.56
Permit Tanah dan Galian	28.76	7.49
Caj Air Mentah Domestik dan Komersial	22.26	5.80
Bayaran Iktisas	20.47	5.33
Dividen, Faedah dan Keuntungan daripada Pelaburan	23.46	6.11
<b>TERIMAAN BUKAN HASIL</b>		
Pemberian dan Caruman Kerajaan Persekutuan	53.08	13.82
Bayaran Balik Pinjaman Dari Agensi	3.88	1.01
<b>JUMLAH</b>	<b>360.89</b>	<b>93.98</b>

#### **Perbelanjaan Mengurus**

**Perbelanjaan Mengurus Negeri** tahun 2015 adalah berjumlah RM352.85 juta (termasuk Caruman kepada Kumpulanwang Pembangunan sebanyak RM65.85 juta dan pindahan kepada Akaun Amanah Permasalahan Rakyat sebanyak RM3.00 juta) berbanding RM351.52 juta dalam tahun 2014. Jumlah ini termasuk perbelanjaan tanggungan sebanyak RM17.91 juta. Perbelanjaan mengurus menunjukkan peningkatan sebanyak RM1.33 juta atau 0.38% berbanding tahun 2014 disebabkan peningkatan dalam emolumen serta perkhidmatan dan bekalan.

**Emolumen** meningkat dari RM135.23 juta pada tahun 2014 kepada RM137.94 juta pada tahun 2015. Pertambahan adalah sebanyak RM2.71 juta atau 2.00% antaranya disebabkan Kenaikan tahunan gaji kakitangan Kerajaan Negeri, Pemberian Bantuan Khas Kewangan kepada

penjawat awam Negeri sebanyak RM500.00 dan Pemberian Khas kepada penjawat awam Negeri sebanyak RM500.00.

**Perkhidmatan dan Bekalan** menunjukkan peningkatan dari RM76.70 juta pada tahun 2014 kepada RM79.25 juta pada tahun 2015. Peningkatan adalah sebanyak RM2.55 juta atau 3.32%.

**Pembelian Aset** menurun dari RM1.07 juta pada tahun 2014 kepada RM1.05 juta pada tahun 2015.


**Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap** menunjukkan peningkatan dari RM127.03 juta dalam tahun 2014 kepada RM128.01 juta dalam tahun 2015. Peningkatan adalah sebanyak RM0.98 juta atau 0.77% antaranya disebabkan oleh peningkatan caruman kepada kumpulan wang pembangunan berbanding tahun 2014.

**Perbelanjaan-perbelanjaan lain** menunjukkan penurunan dari RM11.49 juta pada tahun 2014 kepada RM6.60 juta pada tahun 2015.

**Jadual 6** menunjukkan komponen perbelanjaan mengurus bagi tahun 2015 berbanding tahun 2014 manakala **Carta 4** menunjukkan pecahan peratus perbelanjaan mengurus Negeri mengikut jenis bagi tahun 2015.

**JADUAL 6 - PERBELANJAAN MENGURUS**

Perbelanjaan Sebenar	2015		2014	
	RM Juta	%	RM Juta	%
Emolumen	137.94	39.09	135.23	38.47
Perkhidmatan dan Bekalan	79.25	22.46	76.70	21.82
Aset	1.05	0.30	1.07	0.30
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	128.01	36.28	127.03	36.14
Lain-Lain	6.60	1.87	11.49	3.27
<b>JUMLAH</b>	<b>352.85</b>	<b>100</b>	<b>351.52</b>	<b>100</b>



Laporan Terperinci bagi Perbelanjaan Mengurus boleh dirujuk kepada **Lampiran 1 – Lampiran kepada Nota**

## AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

### *Pinjaman Dari Kerajaan Persekutuan*

Sepanjang tahun 2015 pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah RM28.43 juta berbanding RM36.66 juta dalam tahun 2014. Akaun Pinjaman Disatukan berbaki sifar pada 31 Disember 2015 kerana telah dipindahkan kepada Akaun Amanah Pembangunan Bekalan Air untuk membiayai projek Bekalan Air.

Laporan terperinci Akaun Pinjaman Disatukan boleh dirujuk kepada **Nota 6 – Nota Kepada Penyata Kewangan**.

## **AKAUN AMANAH DISATUKAN**

### ***Kumpulanwang Pembangunan Negeri***

Bagi tahun 2015, Kumpulanwang ini mencatatkan lebih RM5.70 juta berbanding defisit RM10.81 juta pada tahun 2014. Terimaan Kumpulanwang ini bagi tahun 2015 adalah RM102.64 juta berbanding RM90.38 juta pada tahun 2014.

Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 2015 adalah sebanyak RM96.93 juta berbanding RM101.19 juta pada tahun 2014. Sebahagian besar perbelanjaan pembangunan adalah untuk pembinaan/ pengubahsuaian kediaman rasmi pembesar negeri, kompleks pejabat dan rumah/ stor jabatan di bawah aktiviti Bangunan-bangunan Kerajaan sebanyak RM23.51 juta, mengganti jambatan, membaiki persimpangan/ selekoh bahaya dan menaiktaraf jalan oleh Jabatan Kerja Raya sebanyak RM11.03 juta, pembinaan/ penurapan jalan luar bandar, pembinaan/ pengubahsuaian kompleks sukan/ dewan/ balairaya, sistem komputer Negeri Sembilan, program pencahayaan jalan serta pelbagai projek di bawah aktiviti Pelbagai sebanyak RM9.47 juta,.

Laporan Terperinci bagi Perbelanjaan Pembangunan boleh dirujuk kepada **Lampiran 2 – Lampiran kepada Nota.**

### ***Pelbagai Kumpulanwang Amanah Kerajaan***

Baki terkumpul kumpulanwang ini berjumlah RM377.55 juta berbanding RM391.16 juta pada tahun 2014. Kumpulanwang ini terdiri dari Akaun Penyelesaian sebanyak RM45.29 juta, Akaun Pinjaman RM18.31 juta, Kumpulanwang Luar Jangka RM2.00 juta dan Pelbagai Kumpulanwang sebanyak RM311.95 juta.

**Akaun Kena Bayar** adalah berjumlah RM10.45juta berbanding tahun 2014 yang berjumlah RM3.28 juta Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM7.17 juta atau 218.60%.

Laporan terperinci Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan boleh dirujuk kepada **Nota 7(a)(iii) – Nota Kepada Penyata Kewangan.**

### ***Kumpulanwang Amanah Awam***

Terimaan Kumpulanwang Amanah ini pada tahun 2015 berjumlah RM104.71 juta manakala bayarannya berjumlah RM124.74 juta menjadikan baki terkumpul kumpulanwang ini berjumlah RM123..63 juta pada tahun 2015 berbanding RM143.66 juta pada tahun 2014. Pengurangan ini disebabkan terdapat penutupan Akaun Amanah iaitu Akaun Amanah Projek Kompleks Pentadbiran Daerah Seremban dan Amanah Pusat Pembangunan Kemahiran Negeri, Negeri Sembilan serta penambahan dalam pelaburan jangka panjang sebanyak RM25.00 juta.

Laporan Terperinci Kumpulan Wang Amanah Awam boleh dirujuk kepada **Nota 7(b) – Nota Kepada Penyata Kewangan dan Lampiran 6 - Lampiran kepada Nota.**

### ***Deposit***

Akaun Deposit merupakan akaun bersifat sementara yang diwujudkan mengikut undang-undang atau perjanjian yang perlu dipulangkan kepada pendeposit atau dimasukkan ke dalam akaun hasil Negeri sekiranya tidak dituntut dan setelah diwartakan. Akaun deposit yang dikendalikan oleh Jabatan Negeri dalam tahun 2015 adalah sebanyak RM50.28 juta berbanding tahun 2014 berjumlah RM53.28juta.

Laporan Terperinci Akaun Deposit boleh dirujuk kepada **Nota 7(c) – Nota Kepada Penyata Kewangan dan Lampiran 7 - Lampiran kepada Nota.**

### **ASET**

#### ***Wang Tunai***

Wang Tunai Kerajaan Negeri pada 31 Disember 2015 berjumlah RM197.29 juta berbanding RM475.79 juta pada tahun 2014 iaitu penurunan sebanyak RM278.50 juta atau 58.53%. Sejumlah RM169.00 juta adalah dalam bentuk simpanan

tetap iaitu penurunan sebanyak RM303.10 juta atau 64.20% berbanding RM472.10 juta pada 2014. Simpanan tetap tempoh matang tiga bulan atau kurang diklasifikasikan sebagai wang tunai di Penyata A selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan 2 (PPK2 – Disemak 2010).

Laporan terperinci Wang Tunai boleh dirujuk kepada **Nota 3 – Nota Kepada Penyata Kewangan.**

### ***Pelaburan***

Pelaburan Kerajaan Negeri yang dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2015 berjumlah RM324.71 juta berbanding tahun 2014 iaitu berjumlah RM30.57 juta. Peningkatan ini adalah disebabkan penambahan dalam pelaburan simpanan tetap jangka panjang bagi Malaysia Building Society Bhd berjumlah RM77.00 juta, Bank Pembangunan Malaysia Berhad berjumlah RM187.00 juta, Maybank berjumlah RM5.00 juta dan Amanah Raya Berhad berjumlah RM25.00 juta.

Laporan terperinci Pelaburan boleh dirujuk kepada **Nota 4 – Nota Kepada Penyata Kewangan.**

## **AKAUN MEMORANDUM**

### **MEMORANDUM ASET**

#### ***Pinjaman Boleh Tuntut***

Baki pinjaman oleh agensi-agensi lain daripada Kerajaan Negeri sehingga 31 Disember 2015 telah berkurangan kepada RM55.86 juta berbanding RM60.37 juta dalam tahun 2014.

Pada tahun 2015, terimaan bayaran balik (pokok) sebanyak RM4.55 juta dan bayaran faedah sebanyak RM0.44 juta telah dibuat kepada Kerajaan Negeri.

Pecahan baki Pinjaman Boleh Tuntut (pokok) mengikut agensi terdiri daripada Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan sebanyak RM34.38 juta atau 61.55%, Majlis Perbandaran Seremban sebanyak RM8.56 juta atau 15.32%, Syarikat Imapro Sdn. Bhd. RM6.88 juta atau 12.32%, Majlis Daerah Kuala Pilah RM0.12 juta atau 0.21%, Majlis Daerah Rembau RM0.39 juta atau 0.70% dan Yayasan Negeri Sembilan RM5.53 juta atau 9.90%

Laporan terperinci Pinjaman Boleh Tuntut boleh dirujuk kepada **Lampiran 3 dan Lampiran 3(i)– Lampiran Kepada Nota. Jadual 7** menunjukkan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Tuntut (pokok) daripada agensi pada tahun 2015 dan 2014.

**JADUAL 7 – BAYARAN BALIK PINJAMAN BOLEH TUNTUT (POKOK)**

<b>Agensi</b>	<b>2015 (RM Juta)</b>	<b>2014 (RM Juta)</b>
Perbadanan Kemajuan Negeri, N. Sembilan	2.99	1.91
Majlis Perbandaran Seremban	0.20	0.20
Syarikat Imapro Sdn. Bhd.	0.26	0.25
Majlis Daerah Kuala Pilah	0.06	0.06
Majlis Daerah Rembau	0.07	0.07
Yayasan Negeri Sembilan	0.97	0.00
<b>Jumlah</b>	<b>4.55</b>	<b>2.49</b>

### ***Pelaburan***

Pelaburan Kerajaan Negeri yang tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada tahun 2015 adalah sebanyak RM42.85 juta, peningkatan sebanyak RM25.00 juta berbanding RM17.85 juta pada tahun 2014. Peningkatan ini adalah disebabkan pertambahan penempatan deposit jangka panjang Akaun Amanah Institusi Amanah Raya Berhad sebanyak RM23.00 juta dan Malaysia Building Society Berhad (MBSB) sebanyak RM2.00 juta.

Laporan terperinci Pelaburan boleh dirujuk kepada **Lampiran 4– Lampiran Kepada Nota.**

## MEMORANDUM LIABILITI


### *Hutang Negeri*

Hutang Awam Kerajaan Negeri (pokok) kepada Kerajaan Persekutuan sehingga 31 Disember 2015 meningkat sebanyak RM22.97 juta atau 2.52% kepada RM935.67 juta berbanding RM912.70 juta dalam tahun 2014. Peningkatan jumlah dalam baki hutang ini adalah disebabkan penambahan jumlah pinjaman di bawah aktiviti Rancangan Bekalan Air bagi membiayai projek skim bekalan air Triang Daerah Seremban sebanyak RM7.00 juta dan membiayai projek pembinaan loji rawatan air Ngoi-Ngoi sebanyak RM5.00 juta, serta di bawah aktiviti Pelbagai bagi membiayai pembinaan Istana Negeri Sembilan di Kuala Lumpur yang berjumlah RM16.43 juta.

Pecahan Hutang Kerajaan Negeri (pokok) mengikut sektor terdiri daripada Rancangan Bekalan Air sebanyak RM707.79 juta atau 75.65% (iaitu Projek Bekalan Air RMK 9 yang masih belum siap dan belum diambil alih oleh PAAB) diikuti Perumahan Awam Kos Rendah sebanyak RM83.29juta atau 8.90% dan Perbadanan Kemajuan Negeri sebanyak RM22.28juta atau 2.38% dan Pelbagai Hutang RM122.31 juta atau 13.07%.

Laporan terperinci hutang Kerajaan Negeri boleh dirujuk kepada **Lampiran 5 – Lampiran Kepada Nota. Carta 5** menunjukkan Bayaran Balik Hutang Kerajaan Negeri (pokok) dari tahun 2011 hingga 2015.

**CARTA 5: BAYARAN BALIK HUTANG (POKOK) TAHUN 2011-2015**





**PENYATA KEWANGAN  
KERAJAAN NEGERI SEMBILAN  
2015**



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
KERAJAAN NEGERI SEMBILAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 telah diaudit atas arahan saya selaras dengan Akta Audit 1957. Pihak pengurusan Kerajaan Negeri adalah bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini dan tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut. Pengauditan telah dilaksanakan dengan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Sembilan pada 31 Disember 2015; hasil operasi serta aliran tunainya bagi tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan. Rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

**(TAN SRI HAJI AMBRIN BIN BUANG)**

Ketua Audit Negara  
Malaysia.

Putrajaya  
31 Mei 2016




**PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI,  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS  
DAN  
BENDAHARI NEGERI  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Nota kepada Penyata Kewangan disediakan:


- a) mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting*; dan
- b) dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua jabatan Kerajaan Negeri

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum berserta Nota kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2015.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjejaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus 2015.



**YB. DATO' HAJI TAHAR BIN HAJI SUDIN**  
Pegawai Kewangan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus  
29 Januari 2016



**MOHD AZRAAI BIN MD AZNAN**  
Bendahari Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus  
29 Januari 2016



# Penyata Kedudukan Kewangan

seperti pada 31 Disember 2015

Penyata	Nota	2015 RM	2014 RM	
<b>WANG AWAM</b>				
A	WANGTUNAI	3	197,293,027.07	475,784,422.78
B	PELABURAN	4	324,714,206.87	30,574,315.60
			<hr/>	<hr/>
			522,007,233.94	506,358,738.38
			<hr/>	<hr/>
<b>DIPEGANG BAGI:</b>				
<b>KUMPULAN WANG DISATUKAN</b>				
C	AKAUN HASIL DISATUKAN	5	302,299,930.96	271,166,612.68
D	AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	6	0.00	0.00
E	AKAUN AMANAH DISATUKAN	7	219,707,302.98	235,192,125.70
			<hr/>	<hr/>
			522,007,233.94	506,358,738.38
			<hr/>	<hr/>

Nota-nota mukasurat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

# Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wangtunai

bagi tahun berakhir 31 Disember 2015

	2015		2014	
	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)
<b>TERIMAAN</b>				
<b>HASIL</b>				
Hasil Cukai	130,012,906.16		127,349,771.84	
Hasil Bukan Cukai	192,590,921.06		173,779,535.38	
Terimaan Bukan Hasil	61,378,609.55		71,960,207.26	
		383,982,436.77		373,089,514.48
<b>PINJAMAN</b>				
Pinjaman Dalam Negeri	28,431,300.00		36,662,000.00	
		28,431,300.00		36,662,000.00
<b>TERIMAAN MODAL</b>				
Pelbagai Terimaan Modal	20,353,967.36		20,539,251.52	
Jualan Instrumen Kewangan	0.00		0.00	
		20,353,967.36		20,539,251.52
<b>TERIMAAN LAIN</b>				
Terimaan Amanah	0.00		36,700,632.83	
		0.00		36,700,632.83
<b>JUMLAH TERIMAAN</b>		432,767,704.13		466,991,398.83
<b>BAYARAN</b>				
<b>PERBELANJAAN MENGRUS</b>				
Emolumen	(137,939,294.30)		(135,230,477.88)	
Perkhidmatan Dan Bekalan	(79,254,668.54)		(76,696,306.75)	
Aset	(1,046,250.96)		(1,071,799.39)	
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	(56,706,952.69)		(65,548,715.61)	
Perbelanjaan Lain	(6,594,512.48)		(11,491,601.43)	
		(281,541,678.97)		(290,038,901.06)
<b>PERBELANJAAN PEMBANGUNAN</b>				
Langsung	(79,595,276.25)		(88,528,890.91)	
Pinjaman	(17,338,000.00)		(12,662,000.00)	
		(96,933,276.25)		(101,190,890.91)
<b>PERBELANJAAN MODAL</b>				
Pelbagai Perbelanjaan Modal	0.00		0.00	
Pembelian Instrumen Kewangan	(294,139,891.27)		(30,000,000.00)	
		(294,139,891.27)		(30,000,000.00)
<b>BAYARAN BALIK PINJAMAN</b>				
Pinjaman Dalam Negeri	(5,454,439.52)		(4,296,575.06)	
Pinjaman Kepada Agensi / Pindahan Kepada Akaun Amanah	(12,000,000.00)		(24,000,000.00)	
		(17,454,439.52)		(28,296,575.06)
<b>BAYARAN LAIN</b>				
Bayaran Amanah	(21,189,813.83)		0.00	
		(21,189,813.83)		0.00
<b>JUMLAH BAYARAN</b>		(711,259,099.84)		(449,526,367.03)
Tambahan / (Kurangan) Wangtunai		(278,491,395.71)		17,465,031.80
Wangtunai Pada, 31 Disember 2014		475,784,422.78		458,319,390.98
Wangtunai Pada, 31 Disember 2015		197,293,027.07		475,784,422.78

# PENYATA PRESTASI KEWANGAN

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2015

	<u>Nota</u>	<u>2015</u>		<u>2014</u>
		<u>Anggaran</u>	<u>Sebenar</u>	<u>Sebenar</u>
		RM	RM	RM
<b>HASIL</b>	5	367,309,000.00	383,982,436.77	373,089,514.48
<i>Tolak :</i>				
Belanja Mengurus *	5	304,646,100.00	286,996,118.49	294,335,476.12
<b>LEBIHAN / (KURANGAN) HASIL</b>		<b>62,662,900.00</b>	<b>96,986,318.28</b>	<b>78,754,038.36</b>
<i>Tolak :</i>				
Belanja Pembangunan	7	101,407,000.00	96,933,276.25	101,190,890.91
<b>LEBIHAN / (KURANGAN) KESELURUHAN</b>		<b>(38,744,100.00)</b>	<b>53,042.03</b>	<b>(22,436,852.55)</b>
<b>LEBIHAN DISOKONG OLEH / (KURANGAN DIBIYAI OLEH):</b>				
Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri			-	-
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	7		(36,785,267.36)	(33,201,251.52)
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah	3,4		36,838,309.39	10,764,398.97
<b>JUMLAH PEMBIAYAAN</b>			<b>53,042.03</b>	<b>(22,436,852.55)</b>

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

\* Belanja mengurus adalah termasuk bayaran balik pinjaman dalam negeri tetapi tidak termasuk caruman kepada kumpulan wang pembangunan.

# Penyata Akaun Memorandum

seperti pada 31 Disember 2015

	Nota	2015 RM	2014 RM
<b>ASET</b>			
Pinjaman Boleh Tuntut	8a	55,859,020.62	60,374,870.35
Pelaburan	8b	42,851,926.13	17,851,926.13
<b>LIABILITI</b>			
Hutang Awam	9	935,671,300.13	912,694,439.65

Nota-nota pada muka surat berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

# NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2015

---

## DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN

### 1. DASAR DAN PRINSIP PERAKAUNAN

Dasar dan prinsip perakaunan diguna secara konsisten dalam penyediaan penyata kewangan kecuali dinyatakan sebaliknya.

- a) Dasar perakaunan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Negeri.
- b) Perakaunan Kerajaan Negeri adalah berasaskan Kumpulan Wang Disatukan selaras dengan:
  - i) Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa segala hasil diterima kecuali Zakat, Fitrah, dan Baitulmal atau lain-lain hasil agama Islam seumpamanya, dikumpulkan menjadi satu kumpulan wang.
  - ii) Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa tiada wang boleh dikeluarkan dari Kumpulan Wang Disatukan melainkan diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Dewan Undangan Negeri, kecuali untuk perbelanjaan tanggungan tertentu.
  - iii) Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] memperuntukkan Kumpulan Wang Disatukan dibahagi kepada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.
- c) Kerajaan Negeri mengamalkan asas perakaunan tunai ubahsuai. Semua urusan niaga bayaran dan terimaan diakaunkan apabila bayaran dibuat dan terimaan diperolehi dengan pengubahsuaian seperti berikut:
  - i) Bayaran bagi kerja yang telah dijalankan, bekalan dan perkhidmatan yang telah diterima sehingga 31 Disember tahun kewangan semasa boleh dibayar dalam bulan Januari tahun berikutnya dan dikenakan kepada peruntukan tahun kewangan semasa.
  - ii) Terimaan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada 31 Disember tahun kewangan semasa merupakan wang tunai dalam perjalanan dan diakaunkan sebagai hasil tahun kewangan semasa.
  - iii) Mengakaun urusan niaga bukan tunai tertentu seperti pindahan yang merupakan caruman daripada Akaun Hasil Disatukan ke Akaun Amanah Disatukan, Untung Rugi Pelaburan, Hapuskira Pinjaman Amanah, Penukaran Pinjaman Kepada Ekuiti dan seumpamanya.
- d) Entiti perakaunan terdiri daripada semua Jabatan Kerajaan Negeri.
- e) Tahun kewangan sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] adalah satu tempoh dua belas bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.
- f) Mata wang yang digunakan dalam penyata kewangan ini adalah Ringgit Malaysia (RM).
- g) Penyata Kewangan disediakan mengikut asas yang sama dengan Anggaran Perbelanjaan bagi membolehkan perbandingan dibuat.
- h) Apabila berlaku perubahan ke atas persembahan atau klasifikasi butiran, angka perbandingan telah dinyatakan semula kecuali dinyatakan sebaliknya.

## 2. PERSEMBAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disedia mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard (IPSAS) - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting* mengandungi komponen berikut :

- a) Penyata Kedudukan Kewangan
- b) Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai
- c) Penyata Prestasi Kewangan
- d) Penyata Akaun Memorandum
- e) Nota Kepada Penyata Kewangan

## 3. WANG TUNAI

Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan.

Wang Tunai Dalam Bank terdiri daripada baki akaun semasa dan baki deposit di institusi kewangan. Simpanan Tetap bagi tempoh tiga (3) bulan atau kurang yang berjumlah RM455,100,000 diklasifikasikan sebagai Wang Tunai Dalam Bank selaras dengan Para 1.2.3. *Cash Basis* IPSAS dan Piawaian Perakaunan Kerajaan (PPK2) Disemak 2010.

Wang Tunai Dalam Perjalanan menunjukkan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai Perbendaharaan Negeri pada akhir tahun kewangan.

Wang Tunai Dalam Tangan merupakan Panjar Wang Runcit.

Wang Tunai pada 31 Disember 2015 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	<b>2015</b> <b>RM</b>	<b>2014</b> <b>RM</b>
Wang Tunai Dalam Bank	194,627,043.37	474,873,698.63
Wang Tunai Dalam Perjalanan	2,568,062.60	814,800.10
Wang Tunai Dalam Tangan	97,921.10	95,924.05
<b>JUMLAH WANG TUNAI</b>	<b>197,293,027.07</b>	<b>475,784,422.78</b>

## 4. PELABURAN

Pelaburan terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah (sekiranya ada) dan Pelaburan Wang Am dan dinyatakan pada nilai buku.

Pelaburan Kumpulan Wang Amanah ialah pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Amanah selaras dengan arahan amanah Seksyen 9 dan suratcara amanah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] serta peraturan yang berkuatkuasa. Pelaburan Am adalah semua pelaburan yang dibuat daripada lebih Kumpulan Wang Disatukan selain daripada pelaburan Kumpulan Wang Amanah.

Pelaburan pada 31 Disember 2015 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	<b>2015</b>		<b>2014</b>	
	<i>Nilai Buku</i>		<i>Nilai Buku</i>	
	<b>Pelaburan Am</b>		<b>Pelaburan Am</b>	
	<b>RM</b>		<b>RM</b>	
Saham - Syarikat Berhad	324,000,000.00		30,000,000.00	
Saham Amanah - Amanah Saham Bank Islam	493,432.79		493,432.79	
Bon - Amconstant Multi Maturity 2	70,774.08		80,882.81	
Bank Kerjasama Rakyat - Jabatan Mufti	100,000.00		-	
Bank Kerjasama Rakyat - Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan	50,000.00		-	
<b>JUMLAH PELABURAN</b>	<b>324,714,206.87</b>		<b>30,574,315.60</b>	

## 5. AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan mengakaun semua urus niaga terimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan selaras dengan Perkara 97 dan 98 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Sebanyak RM65,853,000.00 telah dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan sebagai caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan dan RM3,000,000.00 telah dipindahkan ke Akaun Amanah Permasalahan Rakyat.

Akaun Hasil Disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	<b>2015</b>			<b>2014</b>	
	<i>Anggaran</i>	<i>Sebenar</i>		<i>Sebenar</i>	
	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>%</b>	<b>RM</b>	<b>%</b>
			<i>Anggaran</i>		<i>Anggaran</i>
<b>BAKI PADA 1 JANUARI</b>		271,166,612.68		249,594,487.32	
<b>HASIL</b>					
Hasil Cukai	144,258,951.00	130,012,906.16	90.12	127,349,771.84	83.50
Hasil Bukan Cukai	155,307,849.00	192,590,921.06	124.01	173,779,535.38	137.37
Terimaan Bukan Hasil	67,742,200.00	61,378,609.55	90.61	71,960,207.26	97.77
<i>Jumlah Hasil</i>	367,309,000.00	383,982,436.77	104.54	373,089,514.48	105.80

(disambung)

Akaun Hasil Disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 adalah seperti berikut:

(sambungan)

Perihal	2015			2014	
	Anggaran RM	Sebenar RM	% Anggaran	Sebenar RM	% Anggaran
<b>PERBELANJAAN MENGURUS</b>					
Emolumen	141,777,060.76	137,939,294.30	97.29	135,230,477.88	98.01
Perkhidmatan dan Bekalan	86,154,623.55	79,254,668.54	91.99	76,696,306.75	96.16
Aset	1,113,981.96	1,046,250.96	93.92	1,071,799.39	49.02
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap **	68,758,433.73	59,161,392.21	86.04	69,845,290.67	119.57
Perbelanjaan-perbelanjaan lain	6,842,000.00	6,594,512.48	96.38	11,491,601.43	99.66
<i>Perbelanjaan Mengurus (sebelum caruman)</i>	304,646,100.00	283,996,118.49	93.22	294,335,476.12	101.54
<i>Caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan Dan Pindahan kepada Akaun Amanah</i>					
<i>Permasalahan Rakyat</i>	63,573,000.00	68,853,000.00	108.31	57,181,913.00	80.49
<i>Jumlah Perbelanjaan Mengurus (selepas caruman)</i>	368,219,100.00	352,849,118.49	95.83	351,517,389.12	97.40
<i>Lebihan/(Kurangan) bagi Tahun</i>	(910,100.00)	31,133,318.28		21,572,125.36	
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>		<b>302,299,930.96</b>		<b>271,166,612.68</b>	

Nota: (\*\*) - Tidak termasuk caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan dan Akaun Amanah Permasalahan Rakyat.

(a) Hasil

Kutipan hasil diakaunkan mengikut asas tunai dan diakaunkan secara jumlah kasar mengikut asas tunai ke dalam Akaun Hasil kecuali diuntukkan sebaliknya oleh mana-mana undang-undang.

Hasil mengikut penjenisannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 adalah seperti berikut:

Perihal	2015			2014		
	Anggaran Asal RM	Anggaran Disemak RM	Sebenar RM	% Anggaran	Sebenar RM	% Anggaran
<b>HASIL CUKAI</b>						
Cukai Tanah	136,502,951.00	136,502,951.00	122,352,382.60	89.63	119,613,906.48	82.59
Cukai Keluaran Hutan	3,000,000.00	3,000,000.00	2,407,513.53	80.25	2,463,994.93	82.13
Cukai Langsung Lain	555,000.00	555,000.00	93,282.47	16.81	709,106.43	103.52
Pelbagai Cukai Tidak Langsung	4,201,000.00	4,201,000.00	5,159,727.56	122.82	4,562,764.00	114.04
<i>Jumlah Hasil Cukai</i>	144,258,951.00	144,258,951.00	130,012,906.16	90.12	127,349,771.84	83.50

(disambung)



Hasil mengikut penjenisannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 adalah seperti berikut:

(sambungan)

Perihal	2015			2014		
	Anggaran Asal	Anggaran Disemak	Sebenar		Sebenar	
	RM	RM	RM	% Anggaran	RM	% Anggaran
<b>HASIL BUKAN CUKAI</b>						
Lesen, Bayaran						
Pendaftaran dan Permit	24,734,640.00	24,734,640.00	31,696,180.36	128.14	29,539,467.11	113.67
Perkhidmatan dan Bayaran						
Perkhidmatan	18,819,199.00	18,819,199.00	20,808,977.60	110.57	19,681,649.71	102.18
Perolehan daripada Jualan						
Barang-barang	97,967,130.00	97,967,130.00	112,636,071.44	114.97	101,979,623.39	141.67
Sewaan	1,084,280.00	1,084,280.00	840,860.26	77.55	765,830.27	52.15
Keuntungan pembiayaan dan Perolehan	10,474,500.00	10,474,500.00	23,691,012.92	226.18	19,508,105.28	384.51
Denda dan Hukuman	2,228,100.00	2,228,100.00	2,917,818.48	130.96	2,304,859.62	84.43
<i>Jumlah Hasil Bukan Cukai</i>	155,307,849.00	155,307,849.00	192,590,921.06	124.01	173,779,535.38	137.37
<b>TERIMAAN BUKAN HASIL</b>						
Pulangan Balik						
Perbelanjaan	541,900.00	541,900.00	2,734,534.15	504.62	10,427,047.15	2,810.52
Terimaan daripada Agensi-						
Agensi Kerajaan	67,104,300.00	67,104,300.00	58,462,581.19	87.12	59,033,177.29	80.72
Pelbagai Terimaan	96,000.00	96,000.00	181,494.21	189.06	2,499,982.82	2,475.23
<i>Jumlah Terimaan Bukan Hasil</i>	67,742,200.00	67,742,200.00	61,378,609.55	90.61	71,960,207.26	97.77
<b>JUMLAH HASIL</b>	<b>367,309,000.00</b>	<b>367,309,000.00</b>	<b>383,982,436.77</b>	<b>104.54</b>	<b>373,089,514.48</b>	<b>105.80</b>

**(b) Perbelanjaan Mengurus**

Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan dan Bekalan seperti emolumen, perkhidmatan dan bekalan, aset, pemberian dan kenaaan bayaran tetap dan perbelanjaan-perbelanjaan lain.

Perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan mengikut undang-undang Kerajaan Negeri selaras dengan Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan.

Perbelanjaan bagi Maksud Bekalan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan berdasarkan kelulusan Dewan Undangan Negeri selaras dengan Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan dan Perkara LXXIV Undang-Undang Tubuh Negeri Sembilan.

Bagi maksud perbelanjaan yang telah melebihi peruntukan, suatu anggaran tambahan dibentangkan di sesi Dewan Undangan Negeri selaras dengan Perkara 101(b) Perlembagaan Persekutuan dan Perkara LXXIII Undang-Undang Tubuh Negeri Sembilan.

Perbelanjaan Mengurus mengikut Maksud Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 adalah seperti berikut:

Maksud Perbelanjaan	2015			% Anggaran
	Anggaran	Anggaran	Sebenar	
	Asal RM	Dipinda RM		
<b>PERBELANJAAN TANGGUNGAN</b>				
T. 01 Peruntukan Diraja	513,000.00	513,000.00	512,992.56	100.00
T. 02 Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri	74,000.00	74,000.00	74,000.00	100.00
T. 04 Hutang Kerajaan Negeri	7,950,000.00	7,950,000.00	7,936,155.31	99.83
T. 05 Perintah Mahkamah	1,200,000.00	1,200,000.00	954,299.08	79.52
T. 06 Pencen Dan Ganjaran	9,163,000.00	9,163,000.00	7,503,747.93	81.89
T. 07 Peruntukan Undang Yang Empat serta Tunku Besar Tampin	1,018,000.00	1,018,000.00	931,897.37	91.54
<i>Jumlah Perbelanjaan Tanggungan</i>	19,918,000.00	19,918,000.00	17,913,092.25	89.93
<b>PERBELANJAAN BEKALAN</b>				
B. 01 Pemberian Kerabat Dan Waris	311,000.00	311,000.00	297,951.80	95.80
B. 02 Dewan Undangan	12,096,000.00	12,121,000.00	11,475,424.28	94.67
B. 03 Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	21,100,000.00	21,337,650.00	20,000,913.96	93.74
B. 04 Jabatan Pertanian	10,038,000.00	10,038,000.00	9,464,141.96	94.28
B. 05 Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian	7,378,500.00	7,378,500.00	6,380,246.07	86.47
B. 06 Jabatan Pengairan Dan Saliran	14,673,000.00	14,673,000.00	13,981,124.86	95.28
B. 07 Jabatan Perhutanan	9,194,700.00	9,673,060.00	9,596,471.74	99.21
B. 08 Pejabat Menteri Besar	7,198,000.00	7,198,000.00	6,769,293.94	94.04
B. 09 Pelbagai Perkhidmatan	36,713,000.00	38,048,190.00	34,449,996.59	90.54
B. 10 Pejabat Yang Dipertuan Besar	5,725,150.00	5,757,150.00	5,618,768.01	97.60
B. 11 Jabatan Kerja Raya	16,693,500.00	16,693,500.00	16,250,413.76	97.35
B. 12 Jabatan Hal Ehwal Agama Islam	35,612,200.00	36,559,600.00	36,116,010.64	98.79
B. 13 Jabatan Kebajikan Masyarakat	16,056,600.00	16,056,600.00	15,369,284.77	95.72
B. 14 Majlis-Majlis Perbandaran Dan Daerah	3,000,000.00	3,000,000.00	2,964,909.61	98.83
B. 15 Jabatan Perancang Bandar Dan Desa	4,232,350.00	4,232,350.00	3,741,872.90	88.41
B. 16 Pejabat Kewangan Negeri	9,681,000.00	9,681,000.00	9,467,619.70	97.80
